

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 26 Julai 2024



KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2024

PULAU PINANG, JOHOR DAN SELANGOR MENYUMBANG 72.1 PERATUS DARIPADA EKSPORT PADA BULAN JUN 2024

PUTRAJAYA, 26 Julai 2024 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM237.8 bilion pada Jun 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM126.0 bilion dan RM111.8 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM126.0 bilion pada Jun 2024, meningkat sebanyak RM2.1 bilion (+1.7%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM2.0 bilion), Terengganu (+RM1.3 bilion), Perak (+RM767.0 juta), Selangor (+RM403.1 juta), Sarawak (+RM397.6 juta), Kedah (+RM337.0 juta), Kelantan (+RM122.1 juta) dan Johor (+RM112.2 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Labuan sebanyak RM1.7 bilion, Pahang (-RM1.2 bilion), Melaka (-RM312.0 juta), Negeri Sembilan (-RM206.7 juta), Sabah (-RM71.6 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM54.4 juta) dan Perlis (-RM23.6 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 34.2 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.5%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.2%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Jun 2024 meningkat RM16.9 bilion (+17.8%) berbanding

bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM4.6 bilion), Pulau Pinang (+RM4.1 bilion), Selangor (+RM3.3 bilion), Kedah (+RM2.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.5 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.2 bilion), Terengganu (+RM101.4 juta), Perlis (+RM82.3 juta) dan Kelantan (+RM36.6 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Melaka sebanyak RM3.5 billion, Sarawak (-RM264.5 juta), Perak (-RM249.1 juta), Sabah (-RM170.6 juta), W.P. Labuan (-RM110.5 juta) dan Pahang (-RM5.2 juta).


Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 25.5 peratus, diikuti oleh Johor (23.3%), Pulau Pinang (20.9%), W.P. Kuala Lumpur (7.6%) dan Kedah (6.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Jun 2023 – Jun 2024 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Jun 2024



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2024



5 NEGERI PENGEKSPORT UTAMA



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JULAI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT
FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JUNE 2024

**EXPORTS OF PULAU PINANG, JOHOR AND SELANGOR
CONTRIBUTED 72.1 PER CENT IN JUNE 2024**

PUTRAJAYA, 26 July 2024 – Malaysia's total trade for June 2024 amounted to RM237.8 billion with exports and imports recorded RM126.0 billion and RM111.8 billion respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JUNE 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM126.0 billion in June 2024, increased RM2.1 billion (+1.7%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Pulau Pinang (+RM2.0 billion), Terengganu (+RM1.3 billion), Perak (+RM767.0 million), Selangor (+RM403.1 million), Sarawak (+RM397.6 million), Kedah (+RM337.0 million), Kelantan (+RM122.1 million) and Johor (+RM112.2 million). However, exports decreased in W.P. Labuan by RM1.7 billion, Pahang (-RM1.2 billion), Melaka (-RM312.0 million), Negeri Sembilan (-RM206.7 million), Sabah (-RM71.6 million), W.P. Kuala Lumpur (-RM54.4 million) and Perlis (-RM23.6 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 34.2 per cent share, followed by Johor (20.6%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.5%) and W.P. Kuala Lumpur (4.2%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in June 2024 increased RM16.9 billion (+17.8%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Johor (+RM4.6 billion), Pulau Pinang (+RM4.1 billion), Selangor (+RM3.3 billion), Kedah (+RM2.3 billion),

W.P. Kuala Lumpur (+RM1.5 billion), Negeri Sembilan (+RM1.2 billion), Terengganu (+RM101.4 million), Perlis (+RM82.3 million) and Kelantan (+RM36.6 million). However, imports decreased in Melaka by RM3.5 billion, Sarawak (-RM264.5 million), Perak (-RM249.1 million), Sabah (-RM170.6 million), W.P. Labuan (-RM110.5 million) and Pahang (-RM5.2 million).

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 25.5 per cent, followed by Johor (23.3%), Pulau Pinang (20.9%), W.P. Kuala Lumpur (7.6%) and Kedah (6.3%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,
June 2023 – June 2024 (RM Billion)**






Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, June 2024



EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JUNE 2024



TOP 5 EXPORTERS



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 JULY 2024